

09 APR 2001

Mahathir-Pelancong

MALAYSIA LONGGAR PERATURAN UNTUK TARIK PELANCONG CHINA DAN INDIA

KUALA LUMPUR, 9 April (Bernama) -- Kerajaan akan terus melonggarkan peraturan perjalanan bagi menarik lebih ramai pelancong dari China dan India untuk melawat Malaysia, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Dr Mahathir berkata Malaysia menyedari tentang pelbagai masalah yang dihadapi oleh pelancong dari kedua-dua negara itu dan langkah sedang diambil dari semasa ke semasa untuk mengatasinya.

"Jika ada daripada kalangan mereka menghadapi masalah, sila beritahu kami... kadang-kala kita tidak sedar apa yang sebenarnya berlaku di peringkat bawah kerana tiada laporan diterima mengenainya. Kita sedia mendengar aduan orang ramai dan bertindak mengatasinya," katanya pada sidang media selepas merasmikan persidangan tahunan Persatuan Pelancongan Pasifik Asia (PATA) ke-50 di sini.

Dr Mahathir berkata demikian semasa diminta mengulas aduan mengenai peraturan visa yang ketat dan syarat tiket pulang yang menghalang usaha untuk menarik pelancong dari kedua-dua negara ini.

"Kita sudah melonggarkan peraturan ini. Kini ia sudah tidak berapa sukar lagi... kita sedang menangani masalah ini bagi memudahkan mereka untuk membuat visa kemasukan berbilang supaya boleh tinggal lebih lama di sini," katanya.

Sebagai contoh, Dr Mahathir berkata Malaysia pada masa lepas hanya membenarkan pelancong China datang ke negara ini secara berkumpulan.

"Tetapi memadangkan rakyat China kini lebih mewah, mereka mahu datang sendiri. Sekarang, secara individu mereka boleh datang... ialah respons kita kepada sesuatu aduan mengenai peraturan kita," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata Malaysia tidak mahu menyusahkan para pelawat yang datang ke negara ini, sebaliknya akan terus meningkatkan usaha untuk menarik lebih ramai pelancong memadangkan industri pelancongan menyumbang pendapatan tukaran asing kedua besarnya kepada negara.

Beliau berkata satu sebab yang menghalang pelancong dari India datang ke negara ini ialah kekurangan penerbangan, oleh itu kerajaan akan meminta lebih banyak hak mendarat di India.

"Semua penerbangan penuh. Kini Kerajaan India lebih murah dan memberi kita lebih banyak hak mendarat... Jika kita mempunyai lebih banyak tempat duduk, lebih ramai rakyat India akan datang dan demikian juga bagi rakyat Malaysia yang hendak ke sana," katanya.

Ketika ditanya sama ada kerajaan yakin ketibaan pelancong tahun ini akan melebihi jumlah tahun selepas sebanyak 10.22 juta, Dr Mahathir berkata berdasarkan kepada jumlah ketibaan bagi tempoh dua bulan pertama tahun ini, angka itu boleh meningkat kepada 12 juta.

"Sepanjang dua bulan pertama tahun ini, jumlahnya sejuta sebulan. Jika berterusan begini, kita akan dapat 12 juta dan ia sesungguhnya merupakan angka yang baik," katanya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata sedikit masa diperlukan untuk industri pelancongan menjadi penyumbang tukaran asing nombor satu kepada negara memadangkan sektor perkilangan masih berjalan dengan baik dan masih terdapat permintaan yang tinggi untuk mikrochip Malaysia.

Dr Mahathir juga berkata jumlah ketibaan pelancong di Malaysia tidak akan terjejas akibat kelembapan ekonomi di Amerika Syarikat kerana tidak ramai pelancong Amerika datang ke sini.

Sebaliknya, Perdana Menteri berkata Malaysia akan menggalakkan lebih

banyak pelancongan serantau kerana ia berpotensi besar di rantau ini. Beliau menyebut pertumbuhan 200 peratus yang dicatatkan bagi bilangan pelancong India dan China ke Malaysia tahun lepas.

"Ia merupakan pasaran yang besar. India mempunyai satu bilion penduduk dan China pula seramai 1.3 bilion. Ia menawarkan peluang besar untuk kita," katanya.

Dr Mahathir juga berkata kerajaan telah membuat pelaburan besar bagi membantu industri pelancongan dan insentif untuk menggalakkan sektor itu telah dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dan Kelapan.

"Kita sentiasa membantu mereka. Ramai yang mengalami kesusahan semasa kelembapan ekonomi tetapi mereka kini pulih dan baru menyiapkan projek lama, bukan memulakan projek baru," katanya.

Walaupun sekarang sudah ada lebih bilik daripada permintaan, Dr Mahathir berkata tidak lama lagi akan wujud keperluan untuk meningkatkan kemudahan dan produk.

Ketika ditanya oleh seorang wartawan New Zealand sama ada ketibaan ramai pelancong akan mendatangkan risiko kepada aspek-aspek budaya dan agama di Malaysia, Dr Mahathir berkata ia menjejaskan hanya kumpulan kecil, terutama yang mempunyai pandangan melampau mengenai agama.

"Keseluruhannya, rakyat Malaysia sangat bertoleransi. Kami hidup dalam masyarakat berbilang budaya sejak sekian lama," katanya.

Pengerusi PATA, M.P. Bezbaruah berkata kelembapan ekonomi di Amerika Syarikat tidak akan menjejaskan pelancongan di rantau ini memandangkan Asia Pasifik merupakan rantau yang paling cepat berkembang daripada segi pelancongan.

Beliau berkata Asia Pasifik mencatatkan antara enam dan lapan peratus pertumbuhan berbanding kadar pertumbuhan dunia sebanyak 4.3 peratus.

-- BERNAMA

AR AR LAT NMO